

Masjid tak harus jadi tempat latihan utk silat

2 JUL 1983
KAMI merujuk kepada surat 'Umat Islam Queenstown' yang bertanyakan *Bolehkah masjid digunakan untuk latihan silat?* yang tersiar dalam ruangan ini pada 25.6.83. *PENCAR SILAT*

Kami ingin menjelaskan bahawa Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) telah membuat ketetapan iaitu fungsi utama masjid adalah sebagai tempat beribadat kepada Allah S.W.T.

Kegiatan atau latihan silat, hadrah atau kompiang yang diadakan di dalam kawasan masjid dan melibatkan percampuran atau pergaulan antara lelaki dengan perempuan adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini berpendapat bahawa latihan silat, hadrah dan kompiang seperti itu tidak seharusnya diadakan di dalam kawasan masjid.

Ini adalah berpandukan hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abu Umamah, Abu Dardak

dan Wasilah Ibnu Askaq yang bermaksud:

"Jauhkan dari masjid-masjid kamu anak-anak kamu (yang belum mumaiyiz), orang-orang gila kamu, jual-beli kamu, pertengkaran kamu, jeritan suara kamu, pelaksanaan hukuman kamu (hukuman jenayah dan yang seumpamanya), penghunusan pedang kamu dan buatlah di pintu-pintunya tempat bersuci dan asapkanlah

(dengan bau-bauan yang wangi) pada hari Jum'at." — Diriwayatkan oleh Ibnu Majah.

Lembaga pentadbir masjid yang berkenaan berhak melarang kegiatan-kegiatan seperti itu daripada diadakan di dalam kawasan masjid.

Allman Hassan,
Pegawai Perhubungan
Awam,
b/p Setiausaha, Muis.

Lagi teguran latihan silat di masjid

16 JUL 1983 *PENCAR SILAT*

SAYA tertarik dengan surat 'Umat Islam Queenstown' bertarikh 25.6.83 mengenai kegiatan dan latihan silat, hadrah dan kompiang di sebuah masjid.

Saya juga tertarik dengan jawapan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mengenai surat itu.

Muis dalam suratnya telah menegaskan dengan jelas bahawa kegiatan dan latihan-latihan silat, hadrah dan kompiang dalam kawasan masjid yang melibatkan percampuran dan pergaulan lelaki dan perempuan adalah bertentangan dengan Islam.

Apa yang tidak saya fahami ialah sama ada pihak pentadbir masjid berkenaan kurang memahami soal hukum percampuran antara lelaki dengan perempuan dalam perkarangan masjid.

Jika mereka tahu, sudah tentu kegiatan seperti itu telah lama dihentikan. Mengapakah kegiatan itu masih berjalan terus dan begitu lama sekali?

Saya harap pihak Lembaga Pentadbir Masjid berkenaan akan menggunakan haknya untuk melarang kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan Islam itu.

Penduduk Queens Crescent.